



Australian Government  
Department of Agriculture,  
Water and the Environment

# Panduan tentang pengecualian di bawah *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*



© Komanwel Australia 2020

**Pemilikan hak harta intelektual**

Kecuali dinyatakan sebaliknya, hak cipta (dan hak harta intelektual yang lain) terhadap terbitan ini dimiliki oleh Komanwel Australia (dirujuk sebagai "Komanwel" sahaja).

**Lesen *Creative Commons***

Semua bahan di dalam terbitan ini diberi lesen di bawah Lesen Antarabangsa Atribusi *Creative Commons* 4.0 kecuali kandungan yang dibekalkan oleh pihak ketiga, logo dan Jata Komanwel.

Pertanyaan mengenai lesen ini dan penggunaan dokumen ini hendaklah dihantarkan secara e-mel ke [copyright@awe.gov.au](mailto:copyright@awe.gov.au).



**Data pengkatalogan**

Terbitan ini (dan apa-apa bahan yang diambil daripadanya sebagai sumber) hendaklah diiktiraf sebagai hasil: Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar 2020, *Panduan tentang pengecualian di bawah Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*, Canberra, Mac. CC BY 4.0.

ISBN 978-1-76003-288-3

Terbitan ini boleh didapati di <http://www.environment.gov.au/protection/publications/pes-guide-to-exemptions>

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar  
GPO Box 858 Canberra ACT 2601  
Telefon 1800 803 772  
Web [awe.gov.au](http://awe.gov.au)

Kerajaan Australia, yang bertindak melalui Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, telah menggunakan ketelitian dan kemahiran yang sewajarnya ketika menyediakan dan menyusun maklumat dan data di dalam terbitan ini. Meskipun demikian, Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar, pekerja-pekerjanya dan para penasihatnya menafikan segala liabiliti, termasuk liabiliti atas sebab kecuaiian dan terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, belanja atau kos yang tertanggung oleh sesiapa pun kerana mendapatkan, menggunakan atau bergantung pada mana-mana maklumat atau data di dalam terbitan ini setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

# Kandungan

<b>1. Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>2. Membuat permohonan</b>	<b>2</b>
Kategori pengecualian	3
Maklumat yang diperlukan daripada pemohon	4
Bayaran khidmat permohonan	5
Permintaan menyetepikan bayaran khidmat permohonan	5
Pemulangan bayaran	5
Menyerahkan permohonan	6
Tempoh menilai permohonan	6
<b>3. Jika pengecualian diberikan</b>	<b>7</b>
Syarat	7
Mengubah, menggantung atau menarik balik pengecualian atau syarat-syaratnya	7
<b>4. Jika pengecualian tidak diberikan</b>	<b>9</b>
Merayu sesuatu keputusan	9
<b>5. Peranan jabatan ini</b>	<b>10</b>
<b>6. Maklumat selanjutnya</b>	<b>11</b>



# 1. Pengenalan

Sejak 1 Julai 2018, semua enjin bukan jalan raya pencucuhan percikan api baharu berkuasa 19 kilowatt ke bawah dan enjin marin dorongan pencucuhan percikan api baharu yang diimport masuk, ataupun yang dikilangkan dan dibekalkan secara domestik di Australia, mesti mematuhi piawaian sebaran kotoran produk yang dinyatakan di bawah *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017*. Pengilangan domestik tidak merangkumi pemasangan enjin import ke dalam produk.

Mulai 1 Julai 2020, semua produk yang dibekalkan ke pasaran Australia mesti mematuhi Akta.

Dalam keadaan yang khusus, pengecualian boleh diberikan untuk membenarkan produk yang tidak menepati piawaian sebaran kotoran diimport masuk atau dijual di Australia. Keadaan ini berkait dengan keperluan perniagaan yang khusus dan dimaksudkan untuk keadaan khas yang tidak memungkinan penggunaan produk yang diperakui.

Bilangan enjin yang agak kecil dijangka akan diimport atau dibekalkan di Australia di bawah sesuatu pengecualian dan kesan terhadap sebaran kotoran keseluruhannya sangat kecil.

Apabila pengecualian diberikan, nombor pengenalan yang unik diberikan kepada pemegang pengecualian. Nombor ini perlu dikemukakan apabila produk yang berkenaan diimport.


Panduan ini menyediakan maklumat untuk menyokong sesiapa sahaja yang sedang mempertimbangkan permohonan kepada Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar untuk mendapatkan pengecualian. Panduan yang berasingan boleh didapati bagi permohonan perakuan Australia di bawah Akta.

## 2. Membuat permohonan


Seksyen 29 Kaedah Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017 menghuraikan proses memohon pengecualian.

Pengecualian boleh berkait dengan produk terkawal sebaran kotoran yang dinyatakan atau boleh meliputi seseorang pemohon atau sesuatu golongan orang, termasuk pemohon sehubungan dengan produk yang dinyatakan. Pengecualian boleh berkait dengan peruntukan dalam Bahagian 3 atau 4 Akta yang meliputi pengimportan, pembekalan, keperluan penandaan atau keperluan penyimpanan rekod.

Permohonan dibuat melalui [pelantar Perkhidmatan Dalam Talian](#) jabatan ini.



Semua pemohon perlu mendaftar untuk menggunakan Perkhidmatan Dalam Talian ini. Pengguna yang sudah berdaftar boleh melog masuk dengan menggunakan alamat e-mel yang didaftarkan berserta kata laluan. Setelah melog masuk, klik 'Mohon perakuan atau pengecualian Produk Terkawal Sebaran Kotoran'.



## Kategori pengecualian

Seksyen 30 Kaedah menyatakan enam kategori pengecualian. Setiap kategori ini memerlukan maklumat sokongan yang berbeza. Setiap permohonan pengecualian mesti dibuat di dalam salah satu kategori pengecualian ini sahaja.

Kategori pengecualian (rujukan Kaedah) <sup>1</sup>	Keterangan
Eksport (30(1)(a))	Produk akan dieksport daripada Australia tetapi tidak digunakan di Australia.
Penilaian, pengujian dan peragaan (30(1)(b))	Produk akan diuji, dinilai, diperagakan, diiklankan, ditawarkan bekalannya atau ditempah lebih awal tetapi tidak digunakan atau dibekalkan di Australia sebelum produk diperakui.
Keselamatan Negara (30(1)(c))	Produk akan digunakan oleh Pasukan Pertahanan Australia, pihak penguatkuasaan undang-undang atau agensi keselamatan untuk tujuan keselamatan negara.
Perkhidmatan Kecemasan (30(1)(d))	Produk akan digunakan oleh organisasi perkhidmatan kecemasan.
Pertandingan (30(1)(e))	Produk akan digunakan dalam pertandingan teratur.
Enjin ganti (30(1)(f))	Enjin ganti bagi enjin yang tidak diperakui dan tidak boleh diselenggarakan.

### Produk yang diimport untuk dieksport semula (bukan untuk dijual atau digunakan di Australia)

Kategori pengecualian ini disediakan bagi pengimportan produk yang tidak diperakui, yang akan dieksport daripada Australia dan tidak digunakan di Australia. Produk yang diberi pengecualian di bawah kategori ini mesti mematuhi syarat-syarat pengecualian yang merangkumi cara produk diuruskan sementara produk itu berada di Australia untuk memastikan bahawa produk itu tidak dijual secara domestik. Selain itu, laporan mesti diserahkan kepada jabatan ini setelah produk tersebut dieksport.

### Produk yang diuji, dinilai, diperagakan, diiklankan, ditawarkan bekalannya atau ditempah lebih awal

Kategori pengecualian ini disediakan untuk pengilang atau pembekal untuk menguji, menilai, memperagakan dan mengiklankan produk yang belum lagi diperakui, tetapi yang dijangka akan akhirnya mendapat perakuan. Ini membenarkan seseorang membuat tempahan awal berdasarkan enjin yang diperagakan atau diiklankan tetapi belum lagi diperakui pada ketika itu, dengan anggapan bahawa akhirnya mana-mana enjin yang diimport atau dibekalkan kepada pembeli berdasarkan tempahan awal itu mesti diperakui.

### Produk yang digunakan oleh Pasukan Pertahanan Australia ataupun oleh agensi penguatkuasaan undang-undang atau keselamatan

Kategori pengecualian ini disediakan untuk produk yang tidak diperakui, yang digunakan hanya oleh Pasukan Pertahanan Australia, ataupun oleh agensi penguatkuasaan undang-undang atau keselamatan untuk tujuan keselamatan negara. Agensi penguatkuasaan undang-undang atau keselamatan ditakrifkan dalam *Akta Pemantauan Undang-undang Keselamatan Negara Bebas 2010*. Pengecualian ini tidak boleh didapati bagi produk yang digunakan untuk aktiviti sehari-hari yang tidak berkait dengan keselamatan oleh agensi-agensi ini.

<sup>1</sup> Bagi beberapa kategori pengecualian (keselamatan negara, perkhidmatan kecemasan, pertandingan teratur dan enjin ganti), pemohon mesti memenuhi kriteria bagi kategori yang dinamakan dan mampu menunjukkan bahawa tiada produk lain yang boleh didapati, yang menepati piawaian sebaran kotoran dan boleh digunakan sebagai ganti.

## Produk yang digunakan oleh organisasi perkhidmatan kecemasan

Kategori pengecualian ini disediakan untuk produk yang tidak diperakui, yang akan digunakan hanya oleh organisasi perkhidmatan kecemasan untuk tujuan perkhidmatan menyelamatkan atau kecemasan. Ini boleh merangkumi latihan yang dijalankan untuk tujuan tersebut. Pengecualian ini tidak boleh didapati bagi produk yang digunakan untuk aktiviti sehari-hari yang tidak berkait dengan kecemasan atau keselamatan. Kaedah mentakrifkan organisasi perkhidmatan kecemasan sebagai merangkumi organisasi pasukan atau perkhidmatan polis, perkhidmatan ambulans, perkhidmatan pengawal pinggir laut, perkhidmatan penyelamat atau penyelamat nyawa luncur air (subseksyen 30(4)).

## Produk yang digunakan dalam pertandingan teratur

Kategori pengecualian ini disediakan untuk produk yang tidak diperakui, yang hanya akan digunakan dalam pertandingan teratur. Ini memastikan bahawa Kaedah tidak akan menyekat aktiviti pertandingan lumba yang sah. Pertandingan teratur ditakrifkan dalam Kaedah (subseksyen 30(5)) sebagai pertandingan yang terdiri daripada satu atau beberapa perlumbaan yang dijalankan oleh organisasi yang memberikan keahlian yang terbatas atau berlesen, menurut peraturan pertandingan yang diumumkan. Definisi ini tidak merangkumi pertandingan memancing.

## Enjin ganti

Kategori pengecualian ini disediakan untuk enjin yang tidak diperakui, yang hanya akan digunakan sebagai enjin ganti baharu bagi enjin yang sedia ada, yang tidak diperakui dan tidak boleh diselenggarakan. Pengecualian ini membenarkan penggantian enjin yang tidak diperakui di dalam peralatan bernilai tinggi dengan enjin yang sepadan dengannya, jika peralatan itu masih berfungsi dan hanya enjinnya sahaja yang telah gagal atau tidak lagi boleh diselenggarakan. Pada 1 Julai 2020, semua produk yang dibekalkan ke pasaran Australia mesti diperakui menepati piawaian sebaran kotoran yang ditetapkan oleh Kaedah, supaya hanya enjin asli yang dibekalkan sebelum tarikh ini berhak dikecualikan di dalam kategori ini.

## Maklumat yang diperlukan daripada pemohon

Permohonan pengecualian mesti dibuat secara bertulis dan mesti mengandungi maklumat yang berikut:

- nama dan butir-butir perhubungan pemohon
- satu-satunya kategori pengecualian yang dimohon
- butir-butir produk
  - tarikh atau tempoh yang dijangka produk ini akan diimport atau dibekalkan di bawah pengecualian ini
  - bilangan produk yang dijangka akan diimport atau dibekalkan di bawah pengecualian ini
  - keterangan tentang cara produk ini dijangka akan digunakan atau ditangani di Australia
- dokumentasi sokongan (ini boleh merangkumi bukti bahawa tiada pilihan lain yang menepati piawaian)
- akuan bahawa maklumat yang diberikan itu betul.

Jabatan ini mungkin meminta maklumat selanjutnya daripada orang hubungan.



## Bayaran khidmat permohonan

Bayaran khidmat yang perlu dijelaskan bagi permohonan pengecualian ditetapkan dalam Kaedah dan dinyatakan di dalam jadual di bawah ini.

Jabatan ini hanya akan mempertimbangkan sesuatu permohonan selepas bayaran khidmat yang betul dijelaskan, atau jika pemohon telah meminta dan mendapat pengetepian bayaran khidmat daripada jabatan ini.

Kategori pengecualian	Bayaran khidmat bagi setiap permohonan*
Produk yang dieksport daripada Australia tetapi tidak digunakan di Australia.	\$1,470
Produk yang diuji, dinilai, diperagakan, diiklankan, ditawarkan bekalannya atau ditempah lebih awal	\$390
Produk yang digunakan oleh Pasukan Pertahanan Australia ataupun oleh agensi penguatkuasaan undang-undang atau keselamatan	\$550
Produk yang digunakan oleh organisasi perkhidmatan kecemasan	\$1,470
Produk yang digunakan dalam pertandingan teratur	\$1,470
Enjin ganti	\$1,470

\*GST tidak dikenakan terhadap bayaran khidmat permohonan.

## Permintaan mengetepikan bayaran khidmat permohonan

Di bawah seksyen 44 Kaedah, jabatan ini boleh mengetepikan bayaran khidmat permohonan jika diminta oleh pemohon, jika jabatan ini berpuas hati bahawa terdapat keadaan yang luar biasa, misalnya kesulitan kewangan. Permintaan untuk mengetepikan bayaran khidmat boleh dibuat melalui gerbang Perkhidmatan Dalam Talian jabatan ini sebagai sebahagian daripada proses permohonan pengecualian. Jabatan ini akan mempertimbangkan semua permintaan dan akan memaklumkan keputusannya kepada pemohon secara bertulis.

## Pemulangan bayaran

Pemohon hanya berhak dipulangkan bayaran khidmat permohonannya jika permohonan tersebut ditarik balik dalam masa 14 hari selepas membuat bayaran dan jika jabatan ini belum bermula menilai permohonannya. Jika jabatan ini telah bermula menilai permohonannya, atau jika pengecualian dinilai tetapi tidak diberikan, maka bayaran khidmat tidak akan dipulangkan.

Permintaan untuk memulangkan bayaran mesti dibuat secara bertulis kepada jabatan ini melalui alamat e-mel [productemissions@awe.gov.au](mailto:productemissions@awe.gov.au)

## Menyerahkan permohonan

Setelah permohonan diserahkan, pengesahan akan dihantar ke alamat e-mel orang hubungan. Pemohon boleh menyemak kedudukan permohonannya pada bila-bila masa dengan melog masuk ke Perkhidmatan Dalam Talian.

Permohonan yang telah diserahkan tidak boleh disunting. Jika pemohon menyedari bahawa dia telah memasukkan maklumat yang tidak betul, ataupun bahawa butir-butir yang berkait dengan permohonannya telah berubah atau ditinggalkan, dia boleh memberi jabatan ini pemberitahuan bertulis mengenai maklumat yang perlu diubah. Pemberitahuan hendaklah dihantar ke [productemissions@awe.gov.au](mailto:productemissions@awe.gov.au). Jabatan ini akan mengemaskinikan permohonan tersebut dan mendapatkan akuan yang formal tentang perubahan itu daripada pemohon sebelum melaksanakannya.

Permohonan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sepanjang proses penilaian dengan memberitahu jabatan ini secara bertulis melalui alamat e-mel [productemissions@awe.gov.au](mailto:productemissions@awe.gov.au). Seperti yang dinyatakan tadi, bayaran khidmat hanya akan dipulangkan jika permohonan ditarik balik dalam masa 14 hari selepas membuat bayaran dan jika jabatan ini belum bermula menilai permohonan itu.

## Tempoh menilai permohonan

Seksyen 33 Kaedah memperuntukkan bahawa jika pengecualian tidak diberikan atau ditolak dalam masa 60 hari selepas jabatan ini menerima semua maklumat yang diperlukan, termasuk pengesahan bahawa bayaran khidmat telah dijelaskan atau pengetepian bayaran khidmat telah diluluskan, maka permohonan itu dianggap telah ditolak. Dijangka bahawa kebanyakan permohonan akan dimuktamadkan jauh lebih cepat daripada 60 hari.

## 3. Jika pengecualian diberikan

Jika jabatan ini berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu menepati syarat-syarat bagi kategori pengecualian yang dinamakan, maka pengecualian akan diberikan. Jabatan ini akan memberitahu pemohon keputusannya secara bertulis dan pemberitahuan pengecualian akan disiarkan pada laman web jabatan ini. Pengecualian akan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan.

### Syarat

Semua pengecualian tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah seksyen 34 Kaedah.

- Pengimport atau pembekal mesti sewajarnya menjangka bahawa produk yang diliputi oleh pengecualian itu hanya akan digunakan atau ditangani menurut kategori berkenaan yang dinamakan dalam permohonan.
- Sesalanan pengecualian, atau maklumat mengenai cara pengecualian boleh dilihat pada laman web jabatan ini, mesti disertakan dengan produk yang berkenaan.

Jabatan ini boleh mengenakan syarat-syarat tambahan pada sesuatu pengecualian. Antara contoh syarat tambahan ini ialah bilangan maksimum produk yang dikecualikan, tempoh pengecualian, serta batasan pada bekalan dan penggunaan produk yang dikecualikan.

Jabatan ini menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan untuk memastikan kepatuhan terhadap syarat-syarat pengecualian. Jika mana-mana syarat pengecualian tidak dipatuhi, pengecualian tidak lagi berkesan dan produk atau orang yang berkenaan akan tertakluk kepada keperluan Akta sepenuhnya, termasuk kesalahan yang berkait dengan pengimportan dan pembekalan produk yang tidak dipraktik.

### Mengubah, menggantung atau menarik balik pengecualian atau syarat-syaratnya

Dalam keadaan yang tertentu, jabatan ini boleh mengubah, menggantung atau menarik balik sesuatu pengecualian.

Seksyen 35 Kaedah membenarkan jabatan ini mengubah sesuatu pengecualian. Perubahan dilengkapkan dengan menyiarkan pemberitahuan pada laman web jabatan ini, sama ada untuk memasukkan syarat tambahan, ataupun untuk meminda atau mengeluarkan syarat yang ada. Orang hubungan bagi pengecualian tersebut akan diberitahu secara bertulis. Perubahan pengecualian akan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan. Contoh keadaan yang menyebabkan jabatan ini boleh mengubah pengecualian diberikan di bawah ini.

Pengecualian bagi enjin yang tidak dipraktik telah diberikan sehingga bulan Disember 2020 di bawah kategori enjin ganti. Enjin ganti lain yang bersesuaian diperolehi dan dipraktik di bawah piawaian Australia pada bulan Ogos 2020. Jabatan ini boleh mengubah pengecualian ini supaya enjin ganti selanjutnya yang tidak dipraktik tidak boleh diimport tetapi terus membenarkan pembekalan enjin ganti yang telah diimport di bawah pengecualian ini sehingga bulan Disember 2020.

Seksyen 36 Kaedah membenarkan jabatan ini menggantung sesuatu pengecualian dengan menyiarkan pemberitahuan pada laman webnya. Orang hubungan bagi pengecualian tersebut akan diberitahu secara bertulis. Sebahagian atau seluruh pengecualian boleh digantung jika jabatan ini sewajarnya mengesyaki bahawa syarat-syarat pengecualian itu tidak dipenuhi. Penggantungan pengecualian memberi jabatan ini masa untuk menyiasat sama ada syarat-syarat pengecualian dipatuhi sebelum tindakan yang lebih serius dipertimbangkan.

Penggantungan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan. Penggantungan ditamatkan dengan menyiarkan pemberitahuan kedua pada laman web jabatan ini dan berkuat kuasa pada hari yang dinyatakan pada pemberitahuan kedua. Sementara penggantungan berkuat kuasa, aktiviti yang diliputi oleh pengecualian itu mesti berhenti. Pengimportan dan pembekalan produk yang terangkum oleh pengecualian itu adalah suatu kesalahan di bawah Bahagian 3 (Menguatkuasakan piawaian sebaran kotoran produk) atau Bahagian 4 (Penyimpanan rekod), melainkan produk tersebut diperakui.

Seksyen 37 Kaedah membenarkan jabatan ini menarik balik sesuatu pengecualian dengan menyiarkan pemberitahuan pada laman webnya. Untuk menarik balik sesuatu pengecualian, jabatan ini mesti sewajarnya berpuas hati bahawa syarat-syarat pengecualian tidak dipenuhi, atau bahawa produk tersebut tidak akan digunakan atau ditangani dengan cara lain menurut kategori pengecualian yang dinamakan.

## 4. Jika pengecualian tidak diberikan

Jika jabatan ini tidak berpuas hati bahawa sesuatu permohonan itu menepati syarat-syarat bagi kategori pengecualian yang dinamakan, maka pengecualian akan ditolak. Jabatan ini akan memberitahu pemohon secara bertulis.

### Merayu sesuatu keputusan

Sesiapa yang tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh jabatan ini boleh memohon kajian semula oleh Tribunal Rayuan Pentadbiran. Keputusan yang berikut, yang berkait dengan permohonan pengecualian, boleh dikaji semula oleh Tribunal Rayuan Pentadbiran:

- keputusan menolak permohonan mengetepikan bayaran khidmat
- keputusan menolak pemberian pengecualian
- keputusan menyatakan syarat pengecualian
- keputusan mengubah, menggantung, tidak menamatkan penggantungan atau menarik balik pengecualian.

Maklumat selanjutnya boleh didapati di <http://www.aat.gov.au>.

## 5. Peranan jabatan ini

Jabatan ini mentadbir Akta dan piawaian sebaran kotoran produk yang dibuat di bawah Akta. Seksyen 11 Akta membenarkan Menteri menetapkan Kaedah yang memperuntukkan pengecualian. Bahagian 5 Kaedah menyatakan keadaan yang membolehkan jabatan ini mengecualikan sesuatu produk dan/ atau orang daripada Akta.

Jabatan ini bertanggungjawab:

- melayan pertanyaan daripada pemohon atau bakal pemohon
- memastikan bahawa bayaran khidmat yang betul telah dibayar oleh pemohon
- menyemak sama ada setiap permohonan mengandungi semua maklumat yang diperlukan
- menilai dan menentukan sama ada sesuatu pengecualian itu patut diberikan dan syarat-syarat yang patut dikenakan
- memastikan pemohon sentiasa dimaklumkan mengenai kemajuan permohonannya
- jika pengecualian diberikan, mengeluarkan nombor pengecualian pengenalan yang unik berserta beberapa syarat, dan menyiarkan pemberitahuan mengenai pengecualian tersebut pada laman web jabatan ini
- jika pengecualian ditolak, memberitahu pemohon dan memberikan sebabnya
- memastikan kepatuhan kepada Akta dan syarat-syarat pengecualian.

## 6. Maklumat selanjutnya

Jika anda ingin bertanya tentang piawaian sebaran kotoran produk, atau tentang cara memohon pengecualian, hubungi jabatan ini:

- E-mel [productemissions@awe.gov.au](mailto:productemissions@awe.gov.au)
- Telefon 1800 803 772

